

25 FEB 2003

NAM-Namibia (Bergambar)/I

NAM AKAN LEBIH KUAT DI BAWAH KEPIMPINAN MAHATHIR

Oleh: R. Ravichandran

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) akan lebih bersatu dan kukuh di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata Presiden Namibia Dr Sam Nujoma hari ini.

Kerjasama Selatan-Selatan akan lebih dipertingkatkan sepanjang tempoh tiga tahun Malaysia memegang jawatan pengerusi NAM, katanya kepada Bernama dalam wawancara eksklusif di luar Sidang Kemuncak NAM ke-13 di sini.

"Pergerakan negara-negara berkecuali di bawah Dr Mahathir Mohamad akan dijaga dengan baik," katanya.

Nujoma berkata sebagai seorang pemimpin berpengalaman, Dr Mahathir sudah tentu akan menggalakkan dan berusaha bukan sahaja ke arah kerjasama Selatan-Selatan tetapi juga kerjasama Utara-Selatan demi kepentingan negara-negara NAM.

Beliau berkata Dr Mahathir amat dikenali berikutan usahanya untuk mencapai manfaat bersama bagi negara-negara kurang membangun serta sedang membangun dan oleh itu, negara-negara NAM boleh menjangkakan lebih banyak penggalakan dalam kerjasama perdagangan selain keamanan serta kestabilan dunia.

Semasa menjawab soalan, Nujoma berkata Namibia dan Malaysia boleh bekerjasama dalam memberikan sumbangan ke arah kemajuan NAM menerusi perundingan memandangkan Namibia juga merupakan anggota pelbagai pertubuhan Afrika seperti Kesatuan Afrika dan Pembangunan Masyarakat Afrika Selatan.

Benua Afrika membentuk blok terbesar dalam NAM dengan kesemua 53 negaranya diwakili dalam perkumpulan itu.

Nujoma berkata NAM pastinya mempunyai perbezaan pendapat berikutan jumlah keanggotaannya yang besar iaitu 116 negara dari pelbagai benua.

"Oleh itu, perbezaan pendapat pastinya akan timbul. Tetapi bagi isu-isu besar seperti mengekalkan keamanan dan kestabilan serta menggalakkan perdagangan dan kerjasama....ini, saya fikir kita semua bersatu," kata beliau lagi.

Nujoma berkata penggalakan keamanan dan kestabilan di kalangan negara-negara NAM amat penting kerana ia merupakan pra-syarat bagi pembangunan ekonomi.

Nujoma berkata pengukuhan kerjasama Selatan-Selatan dan hubungan ekonomi yang lebih baik di kalangan negara-negara NAM amat penting bagi mempertingkatkan tahap kehidupan di negara-negara terutamanya dalam bidang seperti pembasmian kemiskinan.

"Dengan itu, saya berharap Selatan akan berada dalam kedudukan yang baik untuk menyelesaikan dengan Utara berkaitan (isu) pembangunan ekonomi," katanya.

Nujoma juga berkata beliau tidak fikir pergerakan itu pernah mencatatkan kegagalan sepanjang sejarahnya memandangkan ia telah memainkan peranan penting dalam proses memerdekakan banyak negara Afrika dan Asia.

Pemimpin berusia 74 tahun itu merupakan presiden pertama Namibia selepas mencapai kemerdekaan pada 1990. Beliau mengepalai perjuangan Pertubuhan Rakyat Barat Daya Afrika (SWAPO) menentang pemerintahan kulit putih Afrika Selatan selama lebih 25 tahun.

Sebagai seorang pemimpin pergerakan pembebasan, Nujoma menghadiri Persidangan Bandung pada 1955 di mana NAM ditubuhkan dan Sidang Kemuncak NAM yang pertama di Yugoslavia pada 1961.

-- BERNAMA

RV AU ROS